

SOALAN NO: 493

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

RUJUKAN : BL10 [PR-1343-T76528]

SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah terdapat kajian atau kaedah untuk penyewa rumah membeli rumah (sewa & beli) melalui DBKL tanpa memerlukan pinjaman dari agensi agensi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, Kerajaan telah meluluskan penjualan Perumahan Awam dan Projek Perumahan Rakyat (PA/PPR) DBKL sebanyak 45,357 unit sejak tahun 2011. Walau bagaimana pun, sehingga Julai 2016, didapati hanya 15,716 unit yang selesai dijual.

Kementerian Wilayah Persekutuan bersama DBKL pernah membuat kajian terhadap program penjualan PA/PPR di Kuala Lumpur yang kurang mendapat sambutan. Antara faktor kurang sambutan penjualan ini adalah kemampuan kewangan untuk bayaran deposit dan pendahuluan serta ansuran bulanan kepada pihak institusi kewangan.

Setelah mengambil kira faktor ini, maka DBKL telah mengkaji untuk mengadakan skim pembiayaan penjualan PA /PPR termasuk perumahan-perumahan kos rendah yang lain.

Antara inisiatif keadah pembiayaan khas yang dijalankan oleh DBKL adalah melalui skim pembiayaan oleh Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan Sdn. Bhd. (SPWP) di bawah Yayasan Wilayah Persekutuan.

Kaedah ini lebih sesuai berdasarkan syarat-syarat yang lebih mudah berbanding dengan pinjaman bank. Selain itu, DBKL juga telah meneliti pelaksanaan skim sewa beli (*rent-to-own*) seperti yang diumumkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini dan sedang melaksanakan tindakan penyelaras dengan agensi-agensi terbabit.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' DR. TAN KEE
KWONG [WANGSA MAJU]**

SOALAN :

YB Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai statistik dan jumlah terkini pendaftar pemilih Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik jumlah Penolong Pendaftar Pemilih(PPP) sehingga bulan September 2016 adalah seramai 13 916 orang.

Sekian. Terima kasih.